

Headline	Kerja mengorek tanah punca gangguan elektrik di Puchong		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Page No	L-36
ArticleSize	86 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,393		



Kerja mengorek tanah punca gangguan elektrik di Puchong

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Kira-kira 2,600 pengguna di sekitar kawasan Puchong terjejas ekoran gangguan bekalan elektrik yang berlaku mulai pukul 3.47 petang semalam dan bekalan telah dipulihkan sepenuhnya pada pukul 10.05 malam, hari yang sama.

Pengurus Besar Negeri (Selangor) Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Ir. Mohd. Azim Yusof berkata, gangguan bekalan elektrik melibatkan kawasan Pu-

chong Perdana, Puchong Prima Harta, Taman Puchong Prima dan Desa Impian.

Jelasnya, masalah tersebut berpunca daripada kerosakan kabel voltan tinggi milik TNB disebabkan kerja-kerja pengorekan tanah oleh pihak ketiga di kawasan tersebut.

“Pihak TNB telah mengambil tindakan dengan membekalkan sebanyak 15 set janakuasa ke kawasan terlibat sementara bekalan elektrik dipulihkan.

“TNB amat kesal atas kejadian itu dan memohon kerjasama pihak terlibat agar memaklumkan terlebih dahulu sekiranya ingin melakukan sebarang kerja pengorekan melibatkan pemasangan dan kabel TNB.

“Ini bagi mengelakkan gangguan elektrik daripada berulang,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Ujarnya, pihak TNB berharap agar komunikasi secara berkesan antara dua pihak yang terlibat dapat diwujudkan demi kepentingan orang ramai.